

Headline	Kehilangan Adik Pi masih terasa		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	44,45	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	409 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,794
Frequency	Daily	PR Value	RM 41,382



Ramadan dinanti Syawal dirai →

Sayidah Mu'izzah Kamarul Shukri

# Kehilangan Adik Pi masih terasa

Oleh Hafizah Iszahanid  
hafiza@bharian.com.my

**Syawal** kali ini bercampur baur antara suka dan duka buat novelis, Sayidah Mu'izzah Kamarul Shukri kerana pertama kali berhari raya sebagai isteri dan pertama kali juga meraikan bulan yang mulia itu tanpa adik keduanya, Muhammad Syarafi atau lebih mesra dipanggil Adik Pi.

"Saya anak sulung daripada enam beradik, iaitu tiga lelaki dan tiga perempuan. Saya rapat dengan Adik Pi kerana orangnya teliti dan sedia mendengar apa saja cerita. Dari hal titik bengik kehidupan hinggalah kepada soal peribadi. Semuanya saya kongsi dengan beliau. Kalau keluar membeli-belah terutama membeli baju, saya selalu merujuk kepadanya," katanya kepada *Sastera BH*.

Sayidah pada tahun itu juga sedang rancak menguruskan persiapan perkahwinannya dan Muhammad Syarafi tempat dia merujuk pelbagai perkara memandangkan arwah seorang yang ringan tulang dan tidak pernah menolak walau diminta berbuat apa saja yang mungkin tidak dilakukan oleh adik lelaki lain.

"Sidai kain pun Adik Pi sanggup buat. Saya ingat sejak kecil kami saling membantu dan memahami. Dulu, ketika beliau bersekolah rendah, dia sanggup simpan duit untuk belikan saya buku. Saya pun, selalu membantunya ketika dia di kampus kerana tahu kursus seni halus yang diikutinya memerlukan perbelanjaan yang

banyak," kata Sayidah yang dikenali menerusi novel, *Ossianna*, selain pengasas kepada pakar runding penerbitan dan penulisan, Legasi Okheart.

Bagaimanapun Syawal tahun lalu, tingkah laku Muhammad Syarafi sedikit mengejutkan Sayidah termasuk mencium pipinya ketika bersalaman dengannya.

"Selama 20 tahun kami membesar bersama, arwah tidak pernah berbuat demikian, walaupun ketika bersalaman di Aidilfitri. Biasalah, adik lelaki

kalau cium pipi kakak tentulah tak 'macho'. Tapi saya terkejut sangat apabila beliau bukan setakat bersalam, tetapi juga mencium pipi. Waktu itu tidak langsung terlintas di hati arwah akan pergi," ujarnya.

**Pemergian amat memberi kesan** Muhammad Syarafi yang ketika itu menuntut dalam bidang seni halus di UiTM, Machang, Kelantan, meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya ketika pulang ke Kota Bharu bersama-sama kawan-kawannya usai menukar wang bagi membuat persiapan untuk menyertai rom-

bongan fakulti ke Thailand.

Pemergian Muhammad Syarafi memberi kesan kepada dirinya, apatah lagi arwah pulang ke rahmatullah sebulan sebelum majlis perkahwinannya berlangsung dan kesedihan tidak dapat ditahan hingga

menjejaskan pelajaran Sayidah yang ketika itu menuntut di Tahun Satu, Akademi Warisan Seni dan Budaya (ASWARA).

"Saya jadi malas hendak bertemu sesiapa pun. Malas hendak ke belajar dan berat hati nak balik kampung. Saya berpura-pura dengan diri sendiri, kononnya arwah masih ada dan

kami hanya berjauhan untuk sementara waktu. Tapi, akhirnya saya sedar tidak mungkin saya boleh menafikan realiti," jelasnya.

Walaupun sudah setahun adik Sayidah meninggal dunia, kesedihan itu masih ada, apatah lagi pemergiannya ketika umat Islam masih menyambut kemeriahan Aidilfitri.

"Masa pantas berlalu. Sudah setahun Adik Pi meninggalkan kami sekeluarga, tetapi kadang kala saya rasa arwah masih ada," katanya.

Headline	Kehilangan Adik Pi masih terasa		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	44,45	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	409 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,794
Frequency	Daily	PR Value	RM 41,382

